

14 OCT 2000

MALAYSIA MAHU PEMBUNUHAN RAKYAT PALESTIN DIHENTIKAN

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Malaysia mahu pembunuhan oleh regim Israel ke atas rakyat Palestin dihentikan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata Malaysia mahu proses mencari perdamaian di Asia Barat itu diteruskan tetapi bukan dengan cara Israel.

"Kita masih nak proses damai tapi tidak dengan cara Israel... yang tak nak langsung mengalah," katanya pada sidang media selepas merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di sini, hari ini.

Ketika diminta mengulas perkembangan di Asia Barat yang setakat ini dilaporkan sudah mengakibatkan lebih 90 orang, kebanyakannya rakyat Palestin, terbunuh sejak dua minggu lepas, Dr Mahathir berkata apa yang dikehendaki oleh Israel ialah semua tuntutan dipenuhi.

"Dia nak semua yang dituntutnya dipenuhi sampaikan masa perdamaian pun dia masih buat rumah lagi (di tanah milik Palestin)," katanya.

Menteri Luar Syed Hamid Albar dalam kenyataannya juga berkata bahawa Israel mesti dibendung daripada tindakan sembarangan memusnahkan nyawa dan harta benda rakyat Palestin.

-- BERNAMA

MNY ES AKD